

Headline **PKP anjurkan aktiviti babitkan remaja**  
Date **06. Apr 2009** Language **MALAY**  
Media Title **Sinar Harian (Pahang)** Page No **2**  
Section **NEWS** Article Size **88** cm2  
Circulation **60000** Frequency **Daily**  
Readership **0** Color **Black/White**  
AdValue **353.48**



**Pembabitan golongan itu dapat  
tingkatkan kesedaran masalah sosial**

### **PKP anjurkan aktiviti babitkan remaja**

KUANTAN – Pusat Khidmat Prostar (PKP) akan penganjuran aktiviti membabitkan lebih 100 kanak-kanak, remaja dan pelajar bagi mengaktifkan pelbagai program untuk memperkenalkan pusat itu kepada umum.

Pengerusi Program Sihat Tanpa Aids untuk Remaja (Prostar) Pahang, Mohd Nasir Abdullah berkata, pusat itu perlu diaktifkan bagi diaktifkan semula bagi membolehkan lebih ramai remaja membabitkan diri dalam aktiviti meningkatkan kesedaran mengenai masalah sosial.

Menurutnya, PKP adalah tempat yang membolehkan ahli berkumpul dan berinteraksi bagi mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai cara hidup sihat dan

terhad kepada penjagaan berkaitan penyakit Aids sahaja.

"Kita juga mempunyai ahli yang bertugas sebagai kaunselor dan beliau akan bekerjasama memberi pendedahan dalam penjagaan kesihatan," katanya ketika ditemui pada Majlis Pra Perasmian PKP di Beserah, semalam.

Beliau berkata, penubuhan semula Prostar antara lain bertujuan menarik remaja menyertai lebih banyak aktiviti sosial bagi mengelakkan mereka terjebak dengan gejala yang tidak diinginkan.

Katanya, kajian mendapati ramai mereka yang berusia antara 20 hingga 40 tahun menghidap penyakit HIV dan Aids.